

PENYALAHGUNAAN NAMA ALLAH DALAM MISIONARI KRISTIANISASI

Wan Adli Wan Ramli¹

Abstrak

Perdebatan dalam isu nama Allah terus berlaku. Malangnya, ada pertikaian yang disebarkan oleh segelintir orang Muslim sendiri, walaupun mungkin sudah ratusan huraian dan penjelasan telah dikemukakan oleh para ulama, ilmuwan dan sarjana Muslim. Butiran pertikaian tersebut kelihatannya berkisar sekitar salah faham terhadap isu hakiki daripada perspektif pemikiran Islam, yang memang sepatutnya sejak awal diungkapkan secara lebih tepat sebagai penyalahgunaan nama Allah untuk merujuk kepada konsep ketuhanan Kristian yang Trinity dalam strategi pengkontekstualan gerakan misionari Kristianisasi. Bertitik-tolak daripada kefahaman ini, perbincangan dilakukan dengan menganalisis secara realistik realiti bersumberkan teks Bible dan kenyataan misionari Kristian sendiri. Akhirnya, perbincangan mendapati dalam penyalahgunaan nama Allah, ada satu cabaran yang licik dihadapkan ke atas umat Muslimin dengan mempergunakan dan memanipulasi konsep dalam ajaran Islam untuk tujuan mengelirukan dan menjauhkan umat Muslimin daripada ajaran asli. Oleh itu, wajar pendekatan undang-undang diseimbangkan dengan pendekatan dakwah terhadap pihak yang sengaja menyalahgunakan ajaran Islam.

Kata kunci: nama Allah, penyalahgunaan ajaran Islam, Kristianisasi, misionari, strategi pengkontekstualan

MISUSE OF THE NAME OF ALLAH IN CHRISTIANIZATION MISSIONARY

Abstract

Debate over the issue of Allah's name still continues. Unfortunately, there are disputes circulated by a handful of Muslims themselves, although perhaps hundreds of explanations and clarifications have been put forward by Muslim ulama, scholars and academics. The details of the dispute seem to revolve around a misunderstanding of the essential issue from the perspective of Islamic thought, which should indeed from the beginning be expressed more accurately as a misuse of the name of Allah to refer to the Christian divine concept of the Trinity in the contextualization strategy of the Christianization missionary movement.

¹ Wan Adli Wan Ramli, PhD, Pensyarah (Percubaan), Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mel: wanadli@um.edu.my.

Based on this understanding, the discussion is done by analyzing realistically the reality from the source of the Bible texts and the statements of Christian missionaries themselves. Finally, the discussion finds that in the misuse of the name of Allah, there is a cunning challenge posed toward Muslims by employing and manipulating concepts in Islam for the purpose of misleading and alienating Muslims from the original teachings. Therefore, the legal approach should be balanced with the da'wah approach against those who deliberately misuse the teachings of Islam.

Keywords: *name of Allah, misuse of Islamic teachings, Christianization, missionary, the strategy of contextualization*

Pendahuluan

Pada pertengahan bulan Jun 2021, muncul laporan dan cerita yang *viral* atau tular dalam media sosial mengenai seorang yang menggunakan nama Ardilas anak Allah Taala Tuhan Allah Taala untuk menggunakan suatu servis penghantaran makanan. Ia telah menjadi punca kejadian pukul dan mengakibatkan tangkapan enam lelaki seperti siaran media oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya pada 11 Jun 2021.² Penyalahgunaan nama Allah ini masih berlaku walaupun selepas tiga orang Sultan bertitah agar semua pihak menjaga sensitiviti dan keharmonian agama yang pelbagai di Malaysia.³ Titah para Sultan ini adalah merujuk kepada keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang dilaporkan mengizinkan

² Siaran Media Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya, Facebook Rasmi Polis Daerah Petaling Jaya, 11-6-2021, <https://www.facebook.com/PolisDaerahPetalingJaya/posts/3976485069117445>, dicapai 12-6-2021; Muhd Afiq al-Hafiz Mat Yusof, "Pelanggan Hina Agama Islam Antara Enam Ditahan," *Kosmo!*, 11-6-2021, <https://www.kosmo.com.my/2021/06/11/pelanggan-hina-agama-islam-antara-enam-ditahan/>, dicapai 30-8-2021.

³ Jamliah Abdullah, "Kalimah Allah Hak Eksklusif Umat Islam – Sultan Kedah," *Utusan Malaysia*, 12-5-2021, <https://www.utusan.com.my/berita/2021/05/kalimah-allah-hak-eksklusif-umat-islam-sultan-kedah/>, dicapai 30-8-2021; Siti Rohaizah Zainal, "Kalimah Allah Tetap Dilarang Diguna dalam Kitab Bible – Sultan Selangor," *Utusan Malaysia*, 23-3-2021, <https://www.utusan.com.my/berita/2021/03/kalimah-allah-tetap-dilarang-diguna-dalam-kitab-bible-sultan-selangor/>, dicapai 30-8-2021; dan Khairul Mohd. Ali, "Kalimah Allah Khusus Buat Umat Islam – Sultan Johor," *Utusan Malaysia*, 18-3-2021, <https://www.utusan.com.my/berita/2021/03/kalimah-allah-khusus-buat-umat-islam-sultan-johor/>, dicapai 30-8-2021.

penganut agama selain Islam menggunakan nama Allah.⁴ Keputusan Mahkamah Tinggi itu sendiri nampaknya seolah-olah bertentangan dengan keputusan Mahkamah Persekutuan pada tahun 2014.⁵ Sehubungan itu, nampaknya perdebatan dalam konteks pemerintahan dan perundangan akan terus berlaku. Demikian juga, dalam konteks yang lebih umum, perdebatan antara pihak Muslim dengan pihak Kristian, boleh dikatakan akan berterusan.

Walau bagaimanapun, agak malang jika perdebatan masih berlaku sesama Muslimin di Malaysia sendiri mengenai isu ini. Contohnya, penulis makalah ini dimaklumkan bahawa satu penulisan telah sampai kepada pihak berkuasa agama Islam di Selangor yang masih mempertikaikan pendirian para Sultan, umara dan ulama dalam isu nama Allah ini. Siapa yang menulis dan di mana penulisan itu tersebar dirasakan tidak penting untuk diselidik. Walau pun dalam penulisan tersebut ada beberapa perkara yang bersifat sinis, mengejek-ejek dan memperolok-olok, tetapi beberapa butiran pertikaian yang ditimbulkan wajar diberikan perhatian. Butiran pertikaian tersebut adalah mengenai pertama, penggunaan nama Allah oleh orang bukan Muslim; kedua, isu hakiki iaitu penyalahgunaan nama Allah; ketiga, penyalahgunaan nama Allah dalam sejarah yang menjadi hujah bagi sesetengah pihak; keempat, penggunaan nama Allah oleh orang bukan Muslim dalam al-Qur'an; dan kelima, penterjemahan kalimah God oleh Gereja Kristian. Boleh jadi, dalam kalangan masyarakat awam, butiran pertikaian itu memang masih menjadi persoalan dalam realiti kehidupan mereka.

Memang, sejak isu nama Allah ini tercetus lebih sepuluh tahun lalu, mungkin sudah ratusan huraian dan penjelasan telah dikemukakan oleh para ulama, ilmuwan dan sarjana Muslim mengenai perspektif yang dipegang oleh majoriti umat Muslimin di Malaysia. Begitu pun, dirasakan masih ada ruang yang boleh diperkembangkan dalam perbincangan isu nama Allah ini, iaitu mengunghakapkan isu ini secara lebih tepat sebagai penyalahgunaan

⁴ Noor Azlida Alimin, "Mahkamah Tinggi Benarkan Penganut Kristian Guna Kalimah Allah," Sinar Harian, 10-3-2021, <https://www.sinarharian.com.my/article/127767/BERITA/Semasa/Mahkamah-Tinggi-benarkan-penganut-Kristian-guna-kalimah-ALLAH>, dicapai 30-8-2021.

⁵ M. Mageswari, "Kalimah Allah: Mahkamah Persekutuan Tolak Rayuan The Herald," mStar, 23-6-2014, <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/06/23/the-herald>, dicapai 30-8-2021.

nama Allah untuk merujuk kepada konsep ketuhanan Kristian yang Trinity dalam strategi pengkontekstualan gerakan misionari Kristianisasi. Memang pernyataan ini panjang, tetapi inilah intipati isu yang berlaku di Malaysia, bukan sekadar “isu kalimah Allah” atau soalan “bolehkah non-Muslim menggunakan kalimah Allah” atau sorakan “kalimah Allah hak Islam” yang menjadi buah mulut ramai.

Penggunaan Nama Allah oleh Non-Muslim

Butiran pertikaian di sini adalah sama ada boleh atau tidak orang bukan Muslim menggunakan nama Allah. Sebagai permulaan, perlu dijelaskan bahawa persoalan yang biasa didengar dalam kalangan masyarakat awam adalah sama ada boleh atau tidak orang bukan Muslim boleh menyebut (atau menulis atau umumnya menggunakan) nama Allah. Di sini, merujuk kepada kalimah “boleh” dalam persoalan ini secara khususnya, ada sekurang-kurangnya tiga pengertian yang perlu dijelaskan.

Pertama, “boleh” itu merujuk kepada kemampuan fizikal iaitu kemampuan mulut-lidah orang bukan Muslim menyebut nama Allah, atau kemampuan tangan orang bukan Muslim menulis nama Allah atau melambangkan simbol nama Allah melalui bahasa isyarat bagi individu yang bisu. Di sini, tiada isu yang perlu dibincangkan kerana sudah tentu orang bukan Muslim, atau pun sahaja orang Muslim, boleh menyebut nama Allah.

Kedua, “boleh” itu merujuk kepada keizinan daripada segi undang-undang. Di sini, juga tiada isu yang perlu dibincangkan kerana tiada undang-undang sama ada pada peringkat persekutuan atau negeri yang melarang. Kenyataan di atas, iaitu “Negeri Perlis telah pun fatwakan bahawa isu orang bukan Islam sebut Allah tidak menjadi masalah” boleh jadi merujuk kepada konteks ini. Dengan kata lain, ia merujuk kepada fatwa yang merupakan salah satu elemen undang-undang yang ada pada peringkat negeri, untuk mengesahkan bahawa orang bukan Muslim boleh menyebut nama Allah, dan tiada larangan undang-undang untuk berbuat demikian.

Ketiga, “boleh” itu merujuk kepada keharusan daripada segi hukum-hakam Syarak. Di sini, juga tiada isu yang perlu dibincangkan kerana hukum-hakam Syarak tidak melarang orang bukan Muslim menyebut nama Allah. Kenyataan di atas, iaitu “Negeri Perlis telah pun fatwakan bahawa isu orang bukan Islam

sebut Allah tidak menjadi masalah” boleh jadi juga merujuk kepada konteks ini. Dengan kata lain, ia merujuk kepada hukum-hakam Syarak bahawa orang bukan Muslim boleh menyebut nama Allah, dan tiada tegahan dalam wahyu untuk berbuat demikian.

Lanjutan daripada butiran di atas, merujuk kepada soal menyebut, menulis atau umumnya menggunakan nama Allah, maka ada beberapa perincian yang perlu dikemukakan dalam menganalisis perkara ini. Sejauh pernyataan menyebut nama Allah, dan menulis nama Allah, maka ia adalah kenyataan yang jelas. Namun, ungkapan menggunakan nama Allah memerlukan keterangan tambahan, iaitu tujuan penggunaan tersebut. Kalau nama Allah itu hendak digunakan, dalam percakapan atau penulisan, untuk merujuk kepada Allah, Tuhan Pencipta alam, Tuhan yang disembah oleh orang Muslim, maka ia adalah tujuan yang benar.

Walau bagaimanapun, kalau nama Allah itu hendak digunakan, dalam percakapan atau penulisan, untuk merujuk kepada selain Allah, sama ada tuhan yang disembah oleh orang bukan Muslim, atau mana-mana individu, atau mana-mana objek seperti mahligai, kereta, binatang, virus dan sebagainya, atau konsepsi, teori dan persepsi yang hanya ada dalam minda manusia seperti nombor, nilai, perasaan, anak tuhan dan sebagainya; maka sebenarnya inilah titik isu yang berlaku di Malaysia. Sesungguhnya apa yang hendak dilakukan oleh sebahagian gereja dan orang Kristian di Malaysia adalah hendak menggunakan nama Allah untuk tujuan terjemahan bagi kalimah “God” dalam bahasa Inggeris yang sebenarnya merujuk dan bermaksud konsep ketuhanan yang Trinity sembah mereka,⁶ bukan Allah SWT yang Maha Esa.

Apabila difahami secara tepat dan benar isu yang timbul di Malaysia, iaitu penyalahgunaan nama Allah untuk merujuk kepada konsep ketuhanan sembah Kristian yang Trinity, maka dapat disedari bahawa pernyataan “Negeri Perlis telah pun fatwakan bahawa isu orang bukan Islam sebut Allah tidak menjadi masalah”⁷ tidak merujuk kepada isu ini.

⁶ Azahar Mohamed, “The Impact of Parallel Legal Systems on Fundamental Liberties in Multi-Religious Societies,” *Journal of the Malaysian Judiciary* 1 (July 2016), pp. 57-94, 67.

⁷ Pernyataan ini terkandung dalam penulisan yang sampai kepada pihak berkuasa agama Islam di Selangor seperti yang telah disebutkan dalam pendahuluan.

Di sini, usaha mesti dilakukan oleh pelbagai individu dan pihak Muslimin, untuk menjelaskan kepada semua manusia bahawa orang bukan Muslim tidak dilarang menyebut nama Allah untuk merujuk kepada Allah. Tidak ada sebarang fatwa, sama ada di Perlis, di Malaysia, malah di dunia seluruhnya, pada beberapa tahun lalu, atau sejak 1400 tahun lalu, atau sekarang, atau pada masa akan datang sehingga kiamat, yang melarang orang bukan Muslim menyebut nama Allah.

Dalam masa yang sama, mesti disedari dan dijelaskan bahawa sebaliknya tidak ada sebarang fatwa yang membolehkan, mengizinkan atau mengesahkan penyalahgunaan nama Allah untuk merujuk kepada sesuatu yang selain Allah, apatah lagi Tuhan sembahkan Kristian yang Trinity, sama ada dalam sebutan atau tulisan. Sekali lagi diulang bahawa fatwa sedemikian tidak pernah ada di Perlis, di Malaysia, malah di dunia seluruhnya, pada beberapa tahun lalu, atau sejak 1400 tahun lalu, atau sekarang, atau pada masa akan datang sehingga kiamat.

Pada butiran ini, tidak perlu lagi sebarang fatwa, kerana panduan telah diberikan sendiri oleh al-Qur'an, surah al-Nisa' (4): ayat 171:

وَلَا تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقَّ

Terjemahan: Dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar.⁸

Fakhr al-Din al-Razi mentafsirkan ayat ini dengan menegaskan:

لا تصفوا الله بالحللول والاتحاد في بدن الإنسان أو روحه، ونزهوه عن هذه الأحوال.⁹

Terjemahan: Jangan kamu sifatkan Allah dengan inkarnasi dan penyatuan dalam badan manusia atau ruhnya, dan sucikanNya daripada semua perihal ini.

Dengan kata lain, antara maksud ayat ini adalah tegahan daripada menyifatkan Allah dengan inkarnasi, seperti yang menjadi kepercayaan dalam Kristian dan asas kepada konsep ketuhanan yang Trinity. Di sini, mungkin ada yang terus mempertikaikan

Penulisan tersebut memanipulasi Fatwa yang dikeluarkan di Perlis sebagai alasan untuk mempertikaikan pendirian majoriti ulama.

⁸ Abdullah Muhammad Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013).

⁹ Fakhr al-Din Muhammad bin 'Umar al-Razi, *Mafatih al-Ghayb* (Bayrut: Dar al-Fikr, 1981), 11:117.

bahawa yang dilarang adalah menyifatkan Allah dengan Trinity, bukan menyalahgunakan nama Allah. Pertikaian ini, jika diperincikan, adalah berpunca daripada cara berfikir yang tidak bersepadu, kerana penyalahgunaan itulah yang mengakibatkan pensifatan Allah dengan Trinity, walaupun penyalahgunaan itu sendiri bukan pensifatan.

Demikian juga, mungkin ada yang mempertikaikan selanjutnya bahawa isu hanya timbul apabila nama Allah digunakan oleh orang Kristian untuk merujuk kepada konsep ketuhanan mereka. Namun, tidak pernah timbul isu apabila orang bukan Muslim menggunakan kalimah lain contohnya Tuhan untuk merujuk kepada konsep ketuhanan mereka, sedangkan ia tetap batil sama ada digunakan kalimah Tuhan atau Allah. Pertikaian ini, lebih memperlihatkan kejumudan dan kejahilan orang yang mengemukakannya, kerana ia adalah isu sepanjang zaman di mana-mana sahaja, yang menjadi tugas utama dakwah Rasulullah SAW, para Sahabat, dan para ulama. Cuma, ia tidak kelihatan sebagai isu disebabkan ia sentiasa berlaku.


Larangan Penyalahgunaan Nama Allah

Kembali kepada persoalan asal, selepas difahami bahawa isu adalah pada penyalahgunaan nama Allah, maka wajar diselaraskan semula kefahaman ini dengan konsep “boleh” yang telah dibincangkan dalam konteks lain di atas. Dengan itu, didapati ada tiga pengertian juga yang perlu dijelaskan.

Pertama, “boleh” itu merujuk kepada kemampuan fizikal iaitu kemampuan mulut-lidah orang bukan Muslim menyalahguna nama Allah contohnya dalam menyebut bahawa Tuhan yang dipercayai dalam benak-hatinya yang Trinity itu sebagai Allah, atau kemampuan tangan orang bukan Muslim menulis nama Allah atau melambangkan simbol nama Allah melalui bahasa isyarat bagi individu yang bisu contohnya menulis atau mengisyaratkan Jesus anak Allah atau Ardilas anak Allah. Dalam pengertian ini, sudah tentu orang bukan Muslim mampu menyebut dan menulis nama Allah secara salah. Namun, rasanya ini bukan isu yang perlu dibincangkan.

Kedua, “boleh” itu merujuk kepada keizinan atau larangan daripada segi undang-undang. Sejauh berkait dengan undang-undang di Selangor, didapati sedang berkuatkuasa Enakmen Ugama

Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) 1988. Dalam enakmen ini, Seksyen 9 adalah perkara mengenai Kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan-perkataan dan perbualan tertentu yang bersumber Islam.



Gambar rajah 1: Contoh penyalahgunaan nama Allah

Di bawah seksyen ini, Perkara (1) memeruntukkan bahawa Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia - (a) dalam apa-apa tulisan yang diterbitkan; atau (b) dalam apa-apa ucapan atau pernyataan awam; atau (c) dalam apa-apa ucapan atau pernyataan yang ditujukan kepada mana-mana perhimpunan orang; atau menggunakan mana-mana perkataan yang disenaraikan dalam Bahagian I kepada Jadual, atau apa-apa perkataan terbitan atau variasinya, untuk menyatakan atau memperihalkan sesuatu fakta, kepercayaan, idea, konsep, perbuatan, aktiviti, perkara atau hal mengenai atau berkaitan dengan sesuatu agama bukan Islam. Apabila dirujuk Bahagian I kepada Jadual, Perkataan-perkataan Yang Tidak Boleh Digunakan Berkaitan Dengan Agama Bukan Islam, perkataan pertama yang tersenarai adalah Allah, selain Allah,

Jika dipegang pendapat yang pertama, maka panduan al-Qur'an, surah al-Nisa' (4): ayat 171, yang dinyatakan di atas, adalah tegahan yang jelas dalam hukum Syarak ke atas manusia dan orang Kristian secara khususnya daripada menyatakan perkara yang tidak benar mengenai Allah SWT. Dengan kata lain, adalah haram di sisi hukum Syarak bagi orang bukan Muslim menyalahgunakan nama Allah. Maka pengharaman, atau tegahan, atau larangan itu, bukan sekadar berdasarkan undang-undang yang telah dinyatakan di atas, malah disahkan oleh panduan wahyu. Di titik perbincangan ini, mungkin timbul sangkalan dengan alasan bahawa orang bukan Muslim bebas mengamalkan agama mereka, seperti disebutkan dalam al-Qur'an, surah al-Kafirun (109): ayat 6:

لَكُمْ دِينُكُمْ

Terjemahan: Bagi kamu agama kamu.¹¹

Namun, perlu disedari, dalam isu nama Allah ini, ia bukan sekadar orang bukan Muslim hendak mengamalkan agama mereka, malah ia bercampur-baur dengan perbuatan mereka yang mencerooboh agama Islam.

Sebaliknya, jika dipegang pendapat yang kedua, maka boleh dikatakan bahawa tidak relevan untuk ditimbulkan persoalan sama ada orang bukan Muslim haram menyalahguna nama Allah, atau makruh sahaja, atau harus, atau sebaliknya wajib menggunakan dengan betul, atau sekadar sunat sahaja. Dalam konteks umat Islam berhadapan dengan cabaran ideologi kebebasan liberalisme dan hak asasi manusia, mungkin lebih mudah untuk pihak berkuasa Islam mengambil pendekatan berpegang dengan pendapat kedua ini, iaitu tidak mengaitkan sebutan, tulisan dan penggunaan orang bukan Muslim terhadap nama Allah dengan hukum-hakam Syarak, biarpun sebenarnya perbezaan pendapat para ulama itu adalah dalam perkara *furu'*, bukan perkara usul seperti mengenal Allah yang menjadi tema bagi isu nama Allah ini.

Begitu pun, sikap membiarkan orang bukan Muslim ini, hanya bernisbah kepada aspek kaitan dengan hukum-hakam Syarak sahaja, bukan aspek kaitan dengan undang-undang yang sedang

Islam," *Majallah Jami'ah al-Imam Muhammad bin Su'ud al-Islamiyyah* 8 (Rajab 1413H), 104-190, 126.

¹¹ Abdullah Muhammad Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013).

sedia berkuatkuasa, yang telah dinyatakan di atas. Berikutan itu, soal legitimasi undang-undang inilah yang wajar dibahaskan.

Akhirnya, kembali kepada butiran pertikaian di sini, iaitu sama ada boleh atau tidak orang bukan Muslim dilarang oleh sesebuah pemerintah Islam daripada menyebut nama Allah atau tidak. Dengan kata lain, isu hakiki buat pihak berkuasa agama di negeri Selangor adalah: Adakah dengan berkuatkuasanya Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) 1988, Seksyen 9, Perkara (1) itu, Sultan Selangor, Mufti, Menteri Besar, Exco, Ahli Dewan Undangan Negeri, semua pegawai dan staf agensi agama telah dan sedang menggubal dan menguatkuasakan suatu undang-undang yang bercanggah dengan ketetapan Allah yang Maha Kuasa, iaitu mereka semua mengharamkan perkara yang Allah halalkan?

Jika ini yang berlaku, maka amat besar kemurkaan Allah kepada semua individu dan pihak tadi kerana telah mengambil alih kuasa Allah dalam menetapkan undang-undang ke atas manusia lain. Perbuatan ini adalah amalan orang Yahudi dan Kristian yang dimurkai Allah dan merupakan golongan yang sesat, seperti firman Allah dalam al-Qur'an, surah al-Tawbah (9): ayat 31:

أَتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهَبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ

Terjemahan: Mereka menjadikan pendita-pendita dan ahli-ahli ugama mereka sebagai pendidik-pendidik selain dari Allah.¹²

Sebaliknya, enakmen tersebut di atas, boleh dipertahankan sebagai sesuatu yang Syar'i. Antaranya, berpandukan kepada al-Qur'an, surah al-Nisa' (4): ayat 171, yang telah dinyatakan di atas, boleh dirumuskan bahawa memang ada larangan agar Allah tidak disifatkan dengan sesuatu yang batil, yang boleh diekstrak daripadanya termasuklah menyalahguna nama Allah. Selain itu, satu sudut yang boleh dipertahankan untuk mewajarkan undang-undang tersebut adalah penyalahgunaan untuk tujuan misionari Kristianisasi yang memang ada berlaku.¹³ Ini merujuk kepada strategi pengkontekstualan (*contextualization*) atau pemperibumian (*indigenization*) atau pembudayaan (*inculturation*). Ia merupakan

¹² Abdullah Muhammad Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013).

¹³ Dikko Bature Darma, "The Qur'anic and Biblical Concepts of God: A Comparative Discourse," *al-Itqan* 3:1 (June, 2019), pp. 29-43, 38.

kaedah menyelaputi ajaran agama mereka dengan sifat dan ciri budaya dan bahasa tempatan, agar umat Melayu Muslim tidak berasa janggal apabila diperkenalkan dengan ajaran berkenaan. Ia termasuk menamakan konsep ketuhanan mereka yang Trinity dengan nama Allah. Strategi ini telah dilaksanakan dengan meluas di Indonesia sebagai contoh.

Penggunaan Nama Allah oleh Orang Bukan Muslim dalam al-Qur'an

Butiran pertikaian lain yang ada dilontarkan dalam khalayak ramai adalah sebutan dan penggunaan nama Allah oleh orang bukan Muslim yang direkodkan dalam al-Qur'an sendiri. Beberapa ayat yang dinyatakan, apabila dirujuk tanpa sikap yang analitis, kritis dan realistik oleh segelintir puak yang mempunyai bias terhadap Islam, disalahfahami sebagai mewakili isu nama Allah yang berlaku kini. Sedangkan, al-Qur'an merekodkan sebutan dan penggunaan nama Allah oleh orang bukan Muslim untuk merujuk kepada Allah, manakala apa yang berlaku dalam isu ini adalah gereja dan orang Kristian menyebut dan menyalahgunakan nama Allah untuk merujuk kepada sembah mereka yang Trinity.

Dalam beberapa pertikaian yang timbul mengenai isu nama Allah sejak lebih sepuluh tahun lepas, Mohd Asri Zainul Abidin kerap juga dirujuk sebagai alasan bagi kekeliruan yang disebarkan, elok diteliti bahawa Asri ada menyatakan, "Musyrikin Quraish memanggil tuhan sebenar Allah tetapi mensyirikkanNya, pun begitu tidak menamakan berhala mereka dengan nama Allah, sebaliknya menamakan berhala-berhala mereka dengan panggilan al-Lata, al-'Uzza, Manat dan seumpamanya."¹⁴ Di sini, elok juga pertama-tamanya ditegaskan bahawa, hanya kenyataan Rasulullah SAW yang menjadi sumber ilmu, hukum dan hujah yang mutlak dalam Islam, atau dalam penggubalan enakmen perundangan Islam. Manakala pendapat semua manusia lain, termasuk penulis ini dan Asri, bukan sumber ilmu, hukum dan hujah dalam Islam. Begitupun, sudah tentu pandangan para ulama perlu dirujuk, tetapi perlu difahami dan diteliti selengkapnya. Sehubungan itu, bagi segelintir individu yang ada merujuk dan berpegang dengan

¹⁴ Mohd Asri Zainul Abidin, "Isu Bukan-Muslim Guna Kalimah Allah," Harakahdaily, 12-3-2021, <https://harakahdaily.net/index.php/2021/03/11/isu-bukan-muslim-guna-kalimah-allah/>, dicapai 26-8-2021.

pendapat Asri, wajarlah memahami pendapatnya secara menyeluruh, bukan mengambil secara selektif demi menegakkan bias yang memang telah sedia ada dalam diri.

Salah faham terhadap perbezaan antara gambaran al-Qur'an mengenai sebutan nama Allah dalam kalangan orang bukan Muslim dengan isu penyalahgunaan nama Allah di Malaysia mengakibatkan ada "pengkaji lebih cenderung kepada keharusan penggunaan kalimah ini oleh golongan bukan Muslim berdasarkan nas-nas al-Quran yang secara jelas menceritakan penggunaan kalimah tersebut oleh golongan Musyrik dan ahli Kitab tanpa disertakan dengan larangan yang jelas berkaitannya."¹⁵ Bertentangan dengan salah faham ini, apa yang jelas adalah penyalahgunaan nama Allah dalam isu ini, yang tidak berkaitan dengan nas-nas al-Qur'an yang menceritakan penggunaan nama Allah oleh golongan Musyrik dan Ahli Kitab untuk menamakan Allah bukan perkara lain, serta larangan yang jelas dalam al-Qur'an ke atas sesiapa sahaja agar tidak menyatakan perkara yang batil mengenai Allah.

Di sini, perlu disedari bahawa apabila orang Kristian menggunakan nama Allah, maka bukan Allah yang dimaksudkan. Berikut dinukilkan beberapa potongan kenyataan oleh kalangan orang Kristian sendiri yang mengisi penamaan Allah dengan konsep ketuhanan mereka yang Trinity:

1. *The use of the same word for the supreme being by people of various religions need not mean that they all have the same views about deity. Each religion defines the meaning of the supreme being according to its own convictions. Those of different religions who use the word "Allah" understand the nature of the supreme being to which it refers according to the beliefs of their own traditions.*¹⁶
2. *Though the qur'anic Allah and Old Testament names for God have etymological connections, Christians must be careful to emphasize conceptual and qualitative differences. Christian workers should make much of the character of God and Jesus*

¹⁵ Khairul Azhar Meerangani dan Rushdi Ramli, "Isu Penggunaan Kalimah Allah oleh Pihak Kristian: Analisis Menurut Hukum Islam," *Jurnal Fiqh* 13 (2016), pp. 117-138, 132.

¹⁶ Kenneth J. Thomas, "Allah in the Translations of Bible," *International Journal of Frontier Mission* 23:4 (Winter 2006), pp. 171-174, 173; makalah ini asalnya diterbitkan dalam *The Bible Translator: Technical Papers* 52:3 (July 2001), 301-305.

*Christ as God Incarnate—not just “Isa the Prophet.” They must emphasize that there is no salvation outside of Christ and that the cross is central to the gospel.*¹⁷

3. *Actually, when the Arabic Christians refer to “Allah” in their translation of the Bible, they believe that “Allah” is the father of Jesus and they believe that “Allah” is triune. Therefore, the Allah of the Arabic Christians cannot be the same Allah of the Muslims!*¹⁸
4. *Theologically, when an Arabic-speaking Christian talks about Allah, there is a difference in the nature and attributes of the One to whom he is referring compared to his Arabic-speaking Muslim neighbor. Both believe in one God, and both use the same word to refer to God; however, Christians affirm trinitarian monotheism while Muslims advocate unitarian monotheism.*¹⁹

Daripada perspektif akidah Islam, yaitu perkara paling tunjang dan utama dalam Islam, Allah bukan sesuatu yang Trinity. Allah adalah Tuhan Yang Maha Ahad, Yang Maha Esa. Hakikat ini bermaksud Allah bukan berganda-ganda yang secara langsung ternafi bilangan gandaan atau *kam munfasil*. Ia juga bermaksud Allah bukan pula terpecah-pecah dan terbahagi kepada persona atau *hypostasis* tertentu yang secara langsung ternafi bilangan pecahan atau *kam muttasil*. Allah adalah Tuhan dan Pencipta semua manusia dan segala makhluk. Bertuahnya, hanya umat Muslimin yang mengiktiraf dan beriman bahawa Pencipta Yang Mesti Dan Sungguh Wujud ini tentunya adalah Allah iaitu Tuhan Yang Maha Ahad, Yang Maha Esa. Malangnya, orang bukan Muslim mencipta pelbagai konsepsi ketuhanan yang dinamakan dengan bermacam-macam nama tanpa kewujudan hakiki bagi nama ciptaan tersebut, seperti firman Allah dalam al-Qur’an, surah Yusuf (12): ayat 40:

¹⁷ Warren F. Larson, “Critical Contextualization and Muslim Conversion,” *International Journal of Frontier Mission* 13:4 (Oct-Dec 1996), pp. 189-191, 190.

¹⁸ Daniel Janosik, “Is Allah of Islam the same as Yahweh of Christianity?” Laman Sesawang Columbia International University, t.t., <http://www.ciu.edu/content/allah-islam-same-yahweh-christianity>, dicapai 18-8-2021.

¹⁹ Scott Bridger, “Is ‘Allah’ God?” Laman Sesawang The Gospel Coalition, 12-5-2016, <https://www.thegospelcoalition.org/article/is-allah-god/>, dicapai 18-8-2021.

مَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِهِ إِلَّا أَسْمَاءَ سَمَّيْتُمُوهَا أَنتُمْ وَءَابَاؤُكُمْ مَّا أَنزَلَ اللَّهُ بِهَا
مِن سُلْطٰنٍ .

Terjemahan: Apa yang kamu sembah, yang lain dari Allah, hanyalah nama-nama yang kamu menamakannya, kamu dan datuk nenek kamu, Allah tidak pernah menurunkan sebarang bukti yang membenarkannya.²⁰

Daripada perspektif ibadah dan tasawuf Islam pula, Sebutan Nama Allah merupakan zikir dan ibadat yang dikurniakan ganjaran pahala. Oleh itu, adalah tidak relevan untuk mengaitkan ayat-ayat al-Qur'an malah Hadith dan Sunnah Rasulullah yang menceritakan rujukan orang bukan Muslim terhadap Allah dengan penyalahgunaan nama Allah untuk dilabelkan kepada sesuatu yang lain.

Penyalahgunaan Nama Allah dalam Sejarah

Butiran pertikaian yang ada tersebar seterusnya adalah kebiasaan penyalahgunaan nama Allah oleh orang bukan Muslim menjadi hujah agar penyalahgunaan tersebut dibiarkan dan diteruskan, serta undang-undang yang menghalang penyalahgunaan tersebut dikritik dan dimansuhkan. Lebih bebal lagi, individu yang mengemukakan hujah tersebut adalah seorang Muslim.

Di sini, perlu disedari, bahawa perbuatan, percakapan, pemikiran, buku atau sejarah orang wahabi, atau orang syiah, atau orang Muslim liberal, atau pengikut ajaran sesat, atau orang Sikh, atau orang Kristian, atau orang Arab Kristian, atau orang Arab musyrikin, atau orang Arab jahiliah, malah jika orang Melayu pun; bukan sumber ilmu, hukum dan hujah dalam Islam, atau dalam penggubalan enakmen perundangan Islam di mana-mana sahaja, dahulu, kini dan selama-lamanya. Apatah lagi apabila perbuatan, percakapan, pemikiran, buku atau sejarah tersebut menyalahgunakan nama Allah atau mensifatkan Allah dengan konsep Trinity, yang jelas bertentangan dengan wahyu.

Oleh itu, seorang Muslim yang mengikut ajaran wahyu tidak melihat sebarang kontroversi dalam undang-undang yang melarang penyalahgunaan nama Allah. Hanya Muslim yang jahil dengan agamanya sahaja yang menyangka bahawa di sana ada kontroversi.

²⁰ Abdullah Muhammad Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013).

Adapun jika ada orang bukan Muslim yang berpandangan sedemikian, maka pendidikan dan penjelasan berterusan wajar diberikan kepadanya.

Kepada beberapa individu yang menjadikan Mohd Asri Zainul Abidin sebagai rujukan, mungkin untuk menumpang dalam kekaburan yang wujud dalam ceramah dan tulisannya, elok diulang apa yang telah dinyatakan di atas iaitu hanya kenyataan Rasulullah SAW yang menjadi sumber ilmu, hukum dan hujah yang mutlak dalam Islam, atau dalam penggubalan enakmen perundangan Islam. Manakala pendapat semua manusia lain, termasuk penulis ini dan Asri, bukan sumber ilmu, hukum dan hujah dalam Islam. Begitupun, sudah tentu pandangan para ulama perlu dirujuk, tetapi perlu difahami dan diteliti selengkapnya.

Sehubungan itu, bagi segelintir individu yang ada merujuk dan berpegang dengan pendapat Asri, perhatikan bahawa apabila diteliti secara analitis dan kritis, didapati Asri juga menyatakan, “Nama Allah tidak boleh dipanggil melainkan hanya kepada tuhan yang sebenar. Maka dengan itu tiada pihak yang boleh menamakan sekutu-sekutu Allah yang didakwa oleh manusia sebagai tuhan atau perantara tuhan sebagai Allah. Ini seperti memanggil berhala, atau batu, atau patung, atau manusia dengan panggilan Allah. Jika ini berlaku, Muslim memang wajar membantah.”²¹

Di perenggan lain, Asri menambah, “Bukan-Muslim tidak boleh memutarbelitkan ajaran Islam dengan mempergunakan nama Allah sebagai umpan. Tindakan provokatif seperti itu wajar diambil tindakan tegas. Adalah menjadi prinsip kemanusiaan yang dipegang oleh Islam bahawa tiada siapa pun boleh memutarbelitkan maksud ajaran pihak lain. Orang Islam juga tidak boleh memutarbelitkan ajaran agama lain.”²²

Di atas, ada dinyatakan mengenai strategi pengkontekstualan (*contextualization*) atau pemperibumian (*indigenization*) atau pembudayaan (*inculturation*) dalam misionari Kristianisasi secara pantas lalu. Secara lebih mendalam, perlu disedari bahawa

²¹ Mohd Asri Zainul Abidin, “Isu Bukan-Muslim Guna Kalimah Allah,” *Harakahdaily*, 12-3-2021, <https://harakahdaily.net/index.php/2021/03/11/isu-bukan-muslim-guna-kalimah-allah/>, dicapai 26-8-2021.

²² Mohd Asri Zainul Abidin, “Isu Bukan-Muslim Guna Kalimah Allah,” *Harakahdaily*, 12-3-2021, <https://harakahdaily.net/index.php/2021/03/11/isu-bukan-muslim-guna-kalimah-allah/>, dicapai 26-8-2021.

perbincangan mengenai strategi Kristianisasi ini bukan suatu tuduhan melulu. Malah dari perspektif Kristian sendiri, ia bukan suatu perkara rahsia. Strategi ini dibentangkan dan dibincangkan secara terbuka dalam kalangan orang Kristian sendiri.²³ Dengan itu, di bawah strategi inilah patut difahami penyalahgunaan nama Allah oleh gereja dan orang Kristian di Malaysia, yang mengakibatkan timbul isu nama Allah. Fokus terhadap penyalahgunaan nama Allah untuk strategi Kristianisasi ini memang tidak menafikan kenyataan bahawa ada orang Kristian yang menggunakan nama Allah bukan untuk gerakan misionari tetapi hanya kegunaan ritual peribadi sahaja, atau penggunaan nama Allah oleh penganut agama lain seperti Sikh yang belum menimbulkan isu setakat ini. Namun, pengecualian ini tidak juga menafikan isu penyalahgunaan nama Allah dalam gerakan misionari Kristianisasi.

Berikut dinukilkan beberapa potongan kenyataan oleh pihak yang terlibat dalam strategi ini sendiri:

1. *Christian contextualization can be thought of as the attempt to communicate the message of the person, works, Word, and will of God in a way that is faithful to God's revelation, especially as it is put forth in the teachings of Holy Scripture, and that it is meaningful to respondents in their respective cultural and existential contexts. Contextualization is both verbal and nonverbal and has to do with theologizing, Bible translation, interpretation and application, incarnational lifestyle, evangelism, Christian instruction, church planting and growth, church organization, worship style – indeed with all of those activities involved in carrying out the Great Commission.*²⁴
2. *Christianity must be humble enough to be baptized in the Jordan of Asian religiosity... Our challenge is to examine with the Quranic teaching the concept: "Your God and our God are*

²³ Maya J. Morgan, "Contextualizing the Gospel to Muslims" (Thesis, Master of Divinity, George Fox University, 2011). Lihat pendedahan yang lebih luas mengenai Kristianisasi dalam Majlis Agama Islam Selangor, *Pendedahan Agenda Kristian* (Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor, 2014), <http://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Buku-Pendedahan-Agenda-Kristian-Completed.pdf>.

²⁴ David J. Hesselgrave, "Contextualization that is Authentic and Relevant," *International Journal of Frontier Mission* 12:3 (Jul-Sep 1995), pp. 115-119, 115.

one.” Theology of the Christian Allah is vital for Malaysian Christians. Even though Christians and others are discouraged by Muslims from using the words Allah (the only one God), Alkitab (Holy Book), and so on, the importance of studying non-Christian religions is continually stressed from the Christian side.²⁵

- 3. Basis for Contextualization... most Muslim converts and inquirers find Christian forms of worship strange and offensive... For this reason, most missiologists and expatriate missionaries are ready to abandon forms of worship that are strange and offensive to converts and inquirers; and, to retain Islamic religious forms and vocabulary.²⁶*
- 4. Muslims consider the Taurat, Zabur and Injil to be sacred in their original form and languages (i.e. Hebrew, Greek and Aramaic). Thus, it is a service to both God and our Muslim friends to translate the Taurat, Zabur, Injil in ways that are most honoring, comprehensible and relevant for the Muslim heart and mind.²⁷*
- 5. This effort at contextualization is primarily for the believer to sense and understand his true and biblical identity in Christ, and by doing so we also provide an indigenous way for Muslims who wish to come to Christ to hear the salvation message. That is a culturally comfortable and receptive context for Muslims.²⁸*
- 6. Most Christian translators in the world continued the tendency to contextualize biblical messages, in particular to translate traditional biblical languages (Hebrew and Greek) into vernacular languages. This activity has implicated to the translation of the biblical God’s names to the local affinity.*

²⁵ S. Batumalai, “The Task of Malaysian Theology,” *Inter-Religio* 13 (Summer 1988), pp. 2-17, 10.

²⁶ Warren F. Larson, “Critical Contextualization and Muslim Conversion,” *International Journal of Frontier Mission* 13:4 (Oct-Dec 1996), pp. 189-191, 189.

²⁷ John Travis, “Producing and Using Meaningful Translations of the Taurat, Zabur and Injil,” *International Journal of Frontier Mission* 23:2 (Summer 2006), pp. 73-77, 73.

²⁸ Abu Jaz, “A Bridging Conversation: The Cultural Insider, Theological Outsider (CITO),” *International Journal of Frontier Mission* 32:2 (Summer 2015), pp. 61-67, 66.

That is also the main argument of Lembaga Alkitab Indonesia to translate elohim and YHWH into “Allah” and “Tuhan.” Through the context the biblical and contemporary world is connected and hence, the message of God can reach as many as people in Indonesia.²⁹

7. *I think the issue is not whether it is appropriate for Christians to use the word Allah for “God”. Probably the issue is if “Allah” in the Qur’an is exactly the same as YHVH in the Bible. I would have to say absolutely not! But just as I do not stop using the word “God” in English because many false sects also use that same word, I do not need to stop using the word “Allah” just because the Qur’an uses the same word. Rather, I need to show Muslims the true identity of Allah in the Bible, instead of fighting with them over semantics, and therefore never getting to the real issues.³⁰*

Semua nukilan ini, dengan sendirinya, sudah menggambarkan strategi gerakan misionari Kristianisasi dengan jelas serta tidak perlu lagi diulas. Dapat dirumuskan bahawa tujuan strategi ini adalah agar ajaran Kristian “*no longer perceived as an alien or deviant phenomenon,*” iaitu tidak lagi dilihat sebagai ajaran yang asing dan sesat.³¹

Penterjemahan Kalimah God oleh Gereja Kristian

Butiran pertikaian terakhir dalam satu penulisan yang sampai kepada pihak berkuasa agama Islam di Selangor mempersoalkan penggunaan bahasa asing dalam konteks keagamaan satu-satu agama tertentu. Di butiran ini, didapati punca salah faham adalah pada kekeliruan antara kata nama khas dan kata nama am. Nama Allah adalah kata nama khas yang tidak diterjemahkan walau

²⁹ Leonard Chrysostomos Epafras, “The Trepidation of the Name: “Allah” as the polemical space among Indonesian Christians” (Proceeding The 6th Internasional Graduate Students and Scholars’ Conference in Indonesia (IGSSC), Universitas Gadjah Mada Yogyakarta, 19-20 November 2014), pp. 871-898, 880.

³⁰ Fouad Elias Accad, *Building Bridges: Christianity and Islam* (Colorado Springs: Navpress, 1997), 22.

³¹ Mark R. Mullins, *Christianity made in Japan: A Study of Indigenous Movements* (Honolulu: University of Hawai’i Press, 1998), 170; Mukengeshayi Matata, “Endo Shusaku’s Novels and Religious Pluralism – A Reply to Prof. Emi Mase-Hasegawa,” *Inter-Religio* 43 (Summer 2003), pp. 34-38, 38.

diucapkan dalam bahasa apa pun. Demikian juga sebaliknya, kata umum *god* dalam bahasa Inggeris tidak diterjemahkan kepada nama Allah. Ini dapat dilihat dalam ungkapan pertama dua kalimah syahadah itu sendiri, *lā ilāh illa Allāh*, apabila *ilāh* itu memang diterjemahkan kepada “tuhan” dalam bahasa Melayu atau “god” dalam bahasa Inggeris, tetapi Allah tidak pernah diterjemahkan walau dalam bahasa apa pun kalimah syahadah diungkapkan. Demikian juga, seseorang yang bernama Muhammad tidak memperkenalkan dirinya atau dikenali oleh orang lain sebagai Yang Terpuji apabila berada di Alam Melayu atau sebagai The Praised One apabila berada di England atau Amerika Syarikat.

Pembahagian nama kepada yang khas dan umum ini, ada dalam semua bahasa. Ini disebabkan ia bukan sekadar soal bahasa, tetapi bertunjangan asas logik akal, yang memang mengenali sesuatu sama ada secara khusus atau umum. Islam sebagai agama yang akliah dan ilmiah, menerima asas logik akal ini, termasuk dalam memperkenalkan Allah sebagai nama khas Pencipta makhluk. Mungkin asas logik ini tiada atau tidak relevan dalam ajaran Kristian, tetapi ia adalah isu dalaman Kristian yang tidak wajar dicampuri oleh orang Muslim.

Jika God dalam agama Kristian adalah kata nama khas, maka ia tidak perlu diterjemahkan apabila diucapkan dalam bahasa Melayu. Jika pula agama Kristian tidak mempunyai nama khas untuk tuhan mereka yang trinity, maka namakanlah secara sistematik dan teratur. Asasnya, agama Kristian adalah urusan orang Kristian, tiada orang lain yang wajar campur tangan. Walau bagaimanapun, apabila Nama Allah Subhanahu wa Ta`ala hendak diganggu dan disalahguna, maka Muslim wajib mempertahankan Nama Yang Maha Sempurna, Agung dan Mulia ini.

Sejauh berkait dengan ajaran Islam, perlu disedari bahawa nama Allah bukan sekadar isu bahasa, tetapi namaNya adalah sebahagian daripada teras ajaran akidah Islam. Hal ini disebabkan Zat yang Mesti Wujud, yang merupakan Pencipta segala makhluk ini, memperkenalkan diriNya kepada manusia melalui SifatNya, NamaNya dan PerbuatanNya, yang ada dimaklumkan dalam wahyu, malah sebahagiannya boleh difikirkan dan dikenalpasti oleh akal.

Demi memberi gambaran penuh mengenai penyalahgunaan nama Allah dalam penterjemahan penulisan orang Kristian,

khususnya Bible, di bawah dinukilkan terus suatu potongan daripada Bible, Joshua 24:16-20, dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Arab sebagai perbandingan.

1. *16 So the people answered and said: "Far be it from us that we should forsake the Lord to serve **other gods**; 17 for **the Lord our God** is He who brought us and our fathers up out of the land of Egypt, from the house of bondage, who did those great signs in our sight, and preserved us in all the way that we went and among all the people through whom we passed. 18 And the Lord drove out from before us all the people, including the Amorites who dwelt in the land. We also will serve the Lord, for He is our God." 19 But Joshua said to the people, "You cannot serve the Lord, for He is a holy God. He is a jealous God; He will not forgive your transgressions nor your sins. 20 If you forsake the Lord and serve foreign gods, then He will turn and do you harm and consume you, after He has done you good."³²*
2. 16 Umat Israel menjawab, "Kami tidak sekali-kali akan meninggalkan TUHAN untuk mengabdikan kepada **tuhan-tuhan lain!** 17 **TUHAN, Allah kita** telah melepaskan nenek moyang kita dan kita sendiri daripada perhambaan di Mesir, dan kita telah menyaksikan mukjizat-mukjizat yang dilakukan-Nya. Dia telah melindungi kita dalam semua perjalanan kita melalui negeri-negeri asing. 18 Ketika kita menyerang negeri ini, TUHAN mengusir semua orang Amori yang tinggal di sini. Oleh itu, kami juga akan mengabdikan kepada TUHAN; Dialah Allah kita." 19 Kemudian Yosua berkata kepada umat itu, "Tetapi mungkin kamu tidak akan sanggup mengabdikan kepada TUHAN. Dia Allah yang suci, dan Dia tidak akan mengampunkan dosa kamu. Dia tidak mahu ada saingan. 20 Jika kamu meninggalkan Dia lalu mengabdikan kepada tuhan-tuhan bangsa asing, Dia akan menentang kamu dan menghukum kamu. Dia akan membinasakan kamu, walaupun dahulu Dia baik terhadap kamu."³³

³² Bible, New King James Version, <https://www.biblegateway.com/passage/?search=Joshua+24&version=NKJV>, dicapai 25-8-2021.

³³ Alkitab Berita Baik (Bible Society of Malaysia), <https://www.bible.com/ms/bible/402/JOS.24.BM>, dicapai 25-8-2021.

3. 16 Lalu bangsa itu menjawab: “Jauhlah dari pada kami meninggalkan TUHAN untuk beribadah kepada **allah lain!** 17 Sebab **TUHAN, Allah kita**, Dialah yang telah menuntun kita dan nenek moyang kita dari tanah Mesir, dari rumah perbudakan, dan yang telah melakukan tanda-tanda mujizat yang besar ini di depan mata kita sendiri, dan yang telah melindungi kita sepanjang jalan yang kita tempuh, dan di antara semua bangsa yang kita lalui, 18 TUHAN menghalau semua bangsa dan orang Amori, penduduk negeri ini, dari depan kita. Kamipun akan beribadah kepada TUHAN, sebab Dialah Allah kita.” 19 Tetapi Yosua berkata kepada bangsa itu: “Tidaklah kamu sanggup beribadah kepada TUHAN, sebab Dialah Allah yang kudus, Dialah Allah yang cemburu. Ia tidak akan mengampuni kesalahan dan dosamu. 20 Apabila kamu meninggalkan TUHAN dan beribadah kepada **allah asing**, maka Ia akan berbalik dari padamu dan melakukan yang tidak baik kepada kamu serta membinasakan kamu, setelah Ia melakukan yang baik kepada kamu dahulu.”³⁴
4. 16 Dan bangsa itu menjawab dan berkata, “Jauhlah kiranya hal itu dari kami, untuk meninggalkan TUHAN, untuk beribadah kepada **allah lain**, 17 karena **TUHAN, Allah kita**, adalah Dia yang telah membawa kita dan leluhur kita keluar dari tanah Mesir, keluar dari rumah perbudakan, dan yang telah melakukan tanda-tanda besar itu di depan mata kita, dan telah memelihara kita di sepanjang jalan yang telah kita tempuh, dan di antara semua bangsa yang di tengah-tengahnya kita telah melewatinya. 18 Dan TUHAN telah menghalau semua bangsa itu, bahkan orang Amori yang mendiami negeri ini sebelum kita. Kami juga akan beribadah kepada TUHAN, karena Dia adalah Allah kita.” 19 Kemudian Yosua berkata kepada bangsa itu, “Kamu tidak dapat beribadah kepada TUHAN, karena Dia adalah Allah yang kudus; Dia adalah Allah yang cemburu, Dia tidak akan menanggung pelanggaranmu dan dosa-dosamu; 20 apabila kamu meninggalkan TUHAN dan beribadah kepada **allah lain**, maka Dia akan berbalik dan melakukan yang jahat

³⁴ Alkitab Terjemahan Baru (Indonesian Bible Society), <https://alkitab.sabda.org/bible.php?book=Yos&chapter=24>, dicapai 25-8-2021.

kepadamu dan akan membinasakan kamu, setelah Dia melakukan yang baik kepadamu.”³⁵

5.16 فَأَجَابَ الشَّعْبُ وَقَالُوا: «حَاشَا لَنَا أَنْ نَتْرُكَ الرَّبَّ لِنَعْبُدَ إِلَهَةً أُخْرَى،

لِأَنَّ الرَّبَّ إِلَهَنَا هُوَ الَّذِي أَصْعَدَنَا وَأَبَاءَنَا مِنْ أَرْضِ مِصْرَ مِنْ بَيْتِ الْعُبُودِيَّةِ، وَالَّذِي عَمِلَ أَمَامَ أَعْيُنِنَا تِلْكَ الْآيَاتِ الْعَظِيمَةَ، وَحَفِظَنَا فِي كُلِّ الطَّرِيقِ الَّتِي سِرْنَا فِيهَا وَفِي جَمِيعِ الشُّعُوبِ الَّذِينَ عَبَّرْنَا فِي وَسْطِهِمْ. 18 وَطَرَدَ الرَّبُّ مِنْ أَمَامِنَا جَمِيعَ الشُّعُوبِ، وَالْأُمُورِيِّينَ السَّاكِنِينَ الْأَرْضَ. فَنَحْنُ أَيْضًا نَعْبُدُ الرَّبَّ لِأَنَّهُ هُوَ إِلَهُنَا».

19 فَقَالَ يَشُوْعٌ لِلشَّعْبِ: «لَا تَقْدِرُونَ أَنْ تَعْبُدُوا الرَّبَّ لِأَنَّهُ إِلَهٌ قُدُوسٌ وَإِلَهُ غَيْرُ هُوَ. لَا يَغْفِرُ ذُنُوبَكُمْ وَحَطَايَاكُمْ. 20 وَإِذَا تَرَكْتُمْ الرَّبَّ وَعَبَدْتُمْ إِلَهًا غَرِيبَةً يَرْجِعُ فَيْسِيءُ إِلَيْكُمْ وَيُفْنِيكُمْ بَعْدَ أَنْ أَحْسَنَ إِلَيْكُمْ».³⁶

6.16 فَأَجَابَ الشَّعْبُ: ”لَا سَمَحَ اللهُ أَنْ نَتْرُكَ الْمَوْلَى وَنَعْبُدَ إِلَهَةً أُخْرَى! 17 إِنَّ

الْمَوْلَى إِلَهَنَا هُوَ الَّذِي أَخْرَجَنَا نَحْنُ وَأَبَاءَنَا مِنْ مِصْرَ، مِنْ سِجْنِ الْعُبُودِيَّةِ. وَهُوَ الَّذِي عَمِلَ تِلْكَ الْآيَاتِ الْعَظِيمَةَ أَمَامَ عَيْونِنَا، وَحَفِظَنَا فِي كُلِّ الطَّرِيقِ الَّتِي سِرْنَا فِيهَا، وَفِي كُلِّ الشُّعُوبِ الَّذِينَ عَبَّرْنَا بَيْنَهُمْ، 18 وَطَرَدَ مِنْ أَمَامِنَا الْأُمُورِيِّينَ وَكُلَّ الشُّعُوبِ الَّذِينَ كَانُوا فِي الْأَرْضِ قَبْلَنَا. فَنَحْنُ أَيْضًا نَعْبُدُ الْمَوْلَى لِأَنَّهُ هُوَ إِلَهَنَا.“

19 فَقَالَ يَشُوْعٌ لِلشَّعْبِ: ”بِمَا لَا تَقْدِرُونَ أَنْ تَعْبُدُوا اللهُ. فَهُوَ إِلَهٌ قُدُوسٌ، إِلَهُ غَيْرُ، لَا يَغْفِرُ لَكُمْ الْمَعَاصِي وَالذُّنُوبَ. 20 فَإِنْ تَرَكْتُمْ اللهُ، وَعَبَدْتُمْ إِلَهًا غَرِيبَةً، يَرْجِعُ وَيَجْلِبُ عَلَيْكُمْ الْمَصَائِبَ وَيُفْنِيكُمْ، بَعْدَمَا بَارَكَكُمْ.“³⁷

Daripada nukilan teks Bible di atas, banyak perkara yang sepatutnya dibincangkan. Namun, mencukupi rasanya jika ditumpukan perbincangan mengenai contoh realiti yang berlaku

³⁵ Modified Indonesian Literal Translation (Yayasan Lentera Bangsa), <https://alkitab.sabda.org/verse.php?book=Yos&chapter=24&verse=16>, dicapai 25-8-2021, Alkitab yang menggunakan terjemahan Bahasa Indonesia harfiah yang sudah dikembangkan. Alkitab ini disusun oleh Jay P. Green, Sr.

³⁶ Al-Kitab al-Muqaddas (Bible Society of Egypt), <https://www.bible.com/bible/13/JOS.24.AVD>, dicapai 25-8-2021.

³⁷ Sharif Arabic Bible (International Sharif Bible Society), <https://www.bible.com/bible/153/JOS.24.SAB>, dicapai 25-8-2021.

dalam isu di sini kepada dua ungkapan. Pertama, perhatikan bahawa “god” diterjemahkan sebagai “allah”, sehingga ungkapan “other gods” diterjemahkan sebagai “allah lain”, malah mungkin ada versi yang menterjemahkan ungkapan tersebut sebagai “allah-allah lain”. Inilah contoh khusus penyalahgunaan nama Allah yang telah dibincangkan di atas. Bahkan, boleh didakwakan bahawa penterjemahan tersebut telah menjangkau batasan kepada seolah-olah memperolok-olokkan atau mempermain-mainkan nama Allah dan akidah umat Islam.

Dalam pada itu, perlu diperingatkan bahawa amalan terjemahan ini bukan sesuatu yang disepakati secara menyeluruh oleh semua aliran dalam Kristian. Daripada sudut memahami agama dan penganut Kristian, ini menunjukkan penyalahgunaan nama Allah bukan usul atau teras ajaran mereka. Daripada sudut peringatan kepada kalangan Muslim pula, maka ketidaksepakatan ini menuntut orang Muslim agar lebih analitis dan teliti, terutamanya dalam kalangan yang mungkin terlalu bersemangat kononnya demi mempertahankan Islam, sehingga menimbulkan polemik dengan semua dan seluruh penganut Kristian.

Kedua, perhatikan bahawa “the Lord our God” diterjemahkan “Tuhan Allah kita”, yang mencelarukan sistem logik bahasa Melayu. Di sini, nampaknya terjemahan yang dibuat tidak langsung mempedulikan struktur bahasa Melayu dan asas logik dalam pemikiran demi mempergunakan dan memanipulasi unsur dalam ajaran Islam bagi tujuan merosakkan dan merendah-rendahkan agama Islam.

Penutup

Kepercayaan selain tawhid kepada Allah adalah batil, sesat dan salah. Kebatilan itu sabit dan tetap sama ada sembah batil itu dinamakan Allah atau tidak. Dengan kata lain, menamakan sembah yang Trinity sebagai Allah adalah sama batilnya dengan menamakan sembah yang Trinity itu sebagai Tuhan atau tuhan atau God atau god atau Lord atau lord atau Ilah atau ilah atau Rabb atau rabb atau Dewa atau dewa atau berlian atau wang atau sampah atau apa sahaja.

Sehubungan itu, daripada sisi tindakan yang diharuskan bahkan diwajibkan, umat Muslimin, khususnya umara dan ulama, mesti sentiasa mendepani kebatilan ini dengan dakwah dan

pendekatan yang sesuai. Daripada sisi tindakan yang diharamkan pula, seluruh individu dan kumpulan Muslimin, sama ada umara, ulama atau yang lain, ditegah daripada memaksa orang bukan Muslim menerima dan menganut Islam.

Walau bagaimanapun, dalam isu nama Allah ini, yang sewajarnya diungkapkan secara lebih tepat sebagai penyalahgunaan nama Allah untuk merujuk kepada konsep ketuhanan Kristian yang Trinity dalam strategi pengkontekstualan gerakan misionari Kristianisasi; selain kebatilan yang jelas, nampaknya ada satu cabaran yang licik dihadapkan ke atas umat Muslimin dengan memanipulasi konsep yang ada dalam Islam sendiri. Oleh itu, wajar pendekatan undang-undang diseimbangkan dengan pendekatan dakwah terhadap pihak yang sengaja mengganggu keharmonian ummah ini. Di sini, adalah jelas dakwah merupakan salah satu ajaran Islam. Demikian juga, undang-undang yang berkuatkuasa khususnya di Selangor, tetap boleh dipertahankan sebagai sesuatu yang Syar'i.

Daripada perspektif orang bukan Muslim pula, boleh jadi sebahagian besar orang bukan Muslim menghormati undang-undang yang ada lalu tidak menyalahgunakan nama Allah. Dalam pada itu, mesti disedari bahawa akan sentiasa ada musuh Islam yang berusaha menyesatkan orang Muslimin termasuk melalui strategi penyalahgunaan nama Allah.

Kesedaran ini menuntut umat Muslimin agar sentiasa mendidik diri dan generasi demi generasi Muslimin berlatarbelakangkan pelbagai cabaran semasa dan setempat yang akan terus muncul. Di samping pendidikan kepada umat Muslimin, isu ini juga membuka ruang dakwah dan wacana kepada umara dan ulama untuk mengemukakan hakikat ketawhidan Pencipta segala makhluk. Siri dialog patut terus diteroka dan dilakukan bersama penganut Kristian secara khususnya ke arah membenihkan asas logik ketawhidan Tuhan yang Mencipta segala makhluk, seterusnya mempertegaskan bahawa Tuhan itu telah mengutus Nabi Muhammad bersama wahyu al-Qur'an dan al-Hadith yang terkandung dalam kedua-duanya senarai NamaNya terutamanya Allah.

Di samping ruang dakwah di atas, secara umumnya, umat Muslimin mesti terus hidup secara bersama dan harmoni dan berinteraksi secara baik dan adil dengan semua penganut agama

lain. Nada tegas dan keras penulisan ini bukan alasan menimbulkan situasi tegang dalam masyarakat di Selangor dan Malaysia yang bersifat majmuk.

Rujukan

- Abu Jaz, "A Bridging Conversation: The Cultural Insider, Theological Outsider (CITO)," *International Journal of Frontier Mission* 32:2 (Summer 2015), 61-67.
- Accad, Fouad Elias, *Building Bridges: Christianity and Islam* (Colorado Springs: Navpress, 1997).
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*, sunt. Hamzah bin Zahir Hafiz (Madinah: Syarikat al-Madinah al-Munawwarah li al-Tiba'ah, 2008), 1:304-310.
- Al-Kitab al-Muqaddas (Bible Society of Egypt), <https://www.bible.com/bible/13/JOS.24.AVD>, dicapai 25-8-2021.
- Alkitab Berita Baik (Bible Society of Malaysia), <https://www.bible.com/ms/bible/402/JOS.24.BM>, dicapai 25-8-2021.
- Alkitab Terjemahan Baru (Indonesian Bible Society), <https://alkitab.sabda.org/bible.php?book=Yos&chapter=24>, dicapai 25-8-2021.
- Al-Namlah, 'Abd al-Karim bin 'Ali bin Muhammad, "al-Ilmam fi Mas'alah Taklif al-Kuffar bi Furu' al-Islam," *Majallah Jami'ah al-Imam Muhammad bin Su'ud al-Islamiyyah* 8 (Rajab 1413H), 104-190.
- Al-Razi, Fakhr al-Din Muhammad bin 'Umar, *Mafatih al-Ghayb* (Bayrut: Dar al-Fikr, 1981).
- Azahar Mohamed, "The Impact of Parallel Legal Systems on Fundamental Liberties in Multi-Religious Societies," *Journal of the Malaysian Judiciary* 1 (July 2016), pp. 57-94.
- Batumalai, S., "The Task of Malaysian Theology," *Inter-Religio* 13 (Summer 1988), pp. 2-17.
- Bible, New King James Version, <https://www.biblegateway.com/passage/?search=Joshua+24&version=NKJV>, dicapai 25-8-2021.
- Bridger, Scott, "Is 'Allah' God?" Laman Sesawang The Gospel Coalition, 12-5-2016, <https://www.thegospelcoalition.org/article/is-allah-god/>, dicapai 18-8-2021.
- Darma, Dikko Bature, "The Qur'anic and Biblical Concepts of God: A Comparative Discourse," *al-Itqan* 3:1 (June, 2019), pp. 29-43.

- Epafras, Leonard Chrysostomos, "The Trepidation of the Name: "Allah" as the polemical space among Indonesian Christians" (Proceeding The 6th Internasional Graduate Students and Scholars' Conference in Indonesia (IGSSC), Universitas Gadjah Mada Yogyakarta, 19-20 November 2014), pp. 871-898.
- Hesselgrave, David J., "Contextualization that is Authentic and Relevant," *International Journal of Frontier Mission* 12:3 (Jul-Sep 1995), pp. 115-119.
- Jamliah Abdullah, "Kalimah Allah Hak Eksklusif Umat Islam – Sultan Kedah," Utusan Malaysia, 12-5-2021, <https://www.utusan.com.my/berita/2021/05/kalimah-allah-hak-eksklusif-umat-islam-sultan-kedah/>, dicapai 30-8-2021.
- Janosik, Daniel, "Is Allah of Islam the same as Yahweh of Christianity?" Laman Sesawang Columbia International University, t.t., <http://www.ciu.edu/content/allah-islam-same-yahweh-christianity/>, dicapai 18-8-2021.
- Khairul Azhar Meerangani dan Rusdi Ramli, "Isu Penggunaan Kalimah Allah oleh Pihak Kristian: Analisis Menurut Hukum Islam," *Jurnal Fiqh* 13 (2016), pp. 117-138.
- Khairul Mohd. Ali, "Kalimah Allah Khusus Buat Umat Islam – Sultan Johor," Utusan Malaysia, 18-3-2021, <https://www.utusan.com.my/berita/2021/03/kalimah-allah-khusus-buat-umat-islam-sultan-johor/>, dicapai 30-8-2021.
- Larson, Warren F., "Critical Contextualization and Muslim Conversion," *International Journal of Frontier Mission* 13:4 (Oct-Dec 1996), pp. 189-191.
- M. Mageswari, "Kalimah Allah: Mahkamah Persekutuan Tolak Rayuan The Herald," mStar, 23-6-2014, <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/06/23/the-herald>, dicapai 30-8-2021.
- Majlis Agama Islam Selangor, *Pendedahan Agenda Kristian* (Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor, 2014), <http://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Buku-Pendedahan-Agenda-Kristian-Completed.pdf>.
- Matata, Mukengeshayi, "Endo Shusaku's Novels and Religious Pluralism – A Reply to Prof. Emi Mase-Hasegawa," *Inter-Religio* 43 (Summer 2003), pp. 34-38.
- Modified Indonesian Literal Translation (Yayasan Lentera Bangsa), <https://alkitab.sabda.org/verse.php?book=Yos&chapter=24&verse=16>, dicapai 25-8-2021, Alkitab yang menggunakan

- terjemahan Bahasa Indonesia harfiah yang sudah dikembangkan. Alkitab ini disusun oleh Jay P. Green, Sr.
- Mohd Asri Zainul Abidin, "Isu Bukan-Muslim Guna Kalimah Allah," *Harakahdaily*, 12-3-2021, <https://harakahdaily.net/index.php/2021/03/11/isu-bukan-muslim-guna-kalimah-allah/>, dicapai 26-8-2021.
- Morgan, Maya J., "Contextualizing the Gospel to Muslims" (Thesis, Master of Divinity, George Fox University, 2011).
- Muhd Afiq al-Hafiz Mat Yusof, "Pelanggan Hina Agama Islam Antara Enam Ditahan," *Kosmo!*, 11-6-2021, <https://www.kosmo.com.my/2021/06/11/pelanggan-hina-agama-islam-antara-enam-ditahan/>, dicapai 30-8-2021.
- Mullins, Mark R., *Christianity made in Japan: A Study of Indigenous Movements* (Honolulu: University of Hawai'i Press, 1998).
- Noor Azlida Alimin, "Mahkamah Tinggi Benarkan Penganut Kristian Guna Kalimah Allah," *Sinar Harian*, 10-3-2021, <https://www.sinarharian.com.my/article/127767/BERITA/Semasa/Mahkamah-Tinggi-benarkan-penganut-Kristian-guna-kalimah-ALLAH>, dicapai 30-8-2021.
- Sharif Arabic Bible (International Sharif Bible Society), <https://www.bible.com/bible/153/JOS.24.SAB>, dicapai 25-8-2021.
- Siaran Media Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya, Facebook Rasmi Polis Daerah Petaling Jaya, 11-6-2021, <https://www.facebook.com/PolisDaerahPetalingJaya/posts/3976485069117445>, dicapai 12-6-2021.
- Siti Rohaizah Zainal, "Kalimah Allah Tetap Dilarang Diguna dalam Kitab Bible – Sultan Selangor," *Utusan Malaysia*, 23-3-2021, <https://www.utusan.com.my/berita/2021/03/kalimah-allah-tetap-dilarang-diguna-dalam-kitab-bible-sultan-selangor/>, dicapai 30-8-2021.
- Thomas, Kenneth J., "Allah in the Translations of Bible," *International Journal of Frontier Mission* 23:4 (Winter 2006), pp. 171-174.
- Travis, John, "Producing and Using Meaningful Translations of the Taurat, Zabur and Injil," *International Journal of Frontier Mission* 23:2 (Summer 2006), pp. 73-77.